

Headline **MISI MODENAS KE SAIGON**
Date **28 Sep 2010**
MediaTitle **MOTO dot MANIA**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Bi-Monthly**
Circ / Read **20,000 / 40,000**

Language **Malay**
Page No **23**
Article Size **231 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **815**
PRValue **2,444**



MISI MODENAS KE SAIGON

Anda jangan terkejut atau menyangka pelancong asing sudah pandai 'merempit' jentera jenis cub di tanahair kita. Sebenarnya mereka adalah lapan warga Itali yang memacu jentera Modenas GT128 dan CT110 untuk misi kemanusiaan Tabung Harapan Kanak-Kanak Kemboja (NHCC) yang dalam perjalanan ke Saigon, Vietnam.

Misi berkonvoi yang diberi nama "Did I Miss Saigon? Charity Ride 2010" membabitkan peserta dari pelbagai latar belakang kerjaya seperti perbankan, pengiklanan, arkitek, peguam dan ahli farmasi. Turut menyertai misi ini adalah Gian Sandro Campi, jurutera pasukan PETRONAS FI satu ketika dulu.

Tambah menarik, ekspedisi bermotosikal ini menggunakan motosikal kebanggaan negara apabila Motosikal Enjin Nasional Sdn Bhd (MODENAS) memberi secara pinjaman kepada peserta konvoi itu yang memulakan perjalanan dari Shah Alam ke Saigon.



Jurucakap konvoi tersebut, Dino Pozzato yang menjadi pencetus idea tersebut berkata: "Idea ini datang ketika kami mengambil bahagian pada Rali Mongol pada 2008, membabitkan perjalanan dua benua dari Eropah ke Mongolia bersama jentera 1,000cc dan kini kami sekali lagi bersama tetapi dengan jentera moped yang diberikan MODENAS.

"Kami memilih Saigon memandangkan ia adalah destinasi terbaik untuk kami

menamatkan konvoi selama tiga minggu," ujar Pozzato, 36 tahun yang turut mempunyai restoran di ibu negara.

Dia yang pernah berada di Malaysia selama 11 tahun dari 1996 hingga 2007 mengakui cukup teruja mengusahakan harapan NHCC untuk membantu golongan kanak-kanak yang mengidap penyakit HIV/AIDS. Sehingga kini, NHCC telah membantu hampir 1,000 kanak-kanak dan keluarga mangsa di seluruh dunia.

NHCC adalah pertubuhan kebajikan yang diusahakan oleh sepasang rakyat Amerika Syarikat John dan Kathy Tucker pada 2006 untuk membantu kanak-kanak Kemboja yang menghidapi penyakit HIV/AIDS.

Konvoi merentasi perjalanan sejauh 4,000km dengan 15 destinasi perhentian iaitu di Kuala Terengganu, Hatyai, Chumphon dan Bangkok, Phnom Penh, Kemboja dan berakhir di Saigon selama 23 hari pada 21 Ogos ini.